

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14 / 08 / 2007

Wujudkan jawatan Pesuruhjaya Aset Awam

UM - 14/8/2007.



National Asset And Facility Management

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Abdul Samad mencadangkan supaya diwujudkan jawatan Pesuruhjaya Aset Awam untuk menguruskan aset milik kerajaan.

Beliau berkata, pesuruhjaya tersebut perlu mempunyai kuasa tersendiri sama seperti Ketua Audit Negara yang akan menentukan piawaian, prinsip dan cara pemantauan aset kerajaan dilakukan.


Beliau berkata demikian kepada media selepas membentangkan kertas kerjanya bertajuk *Isu-isu Kritikal Dalam Pengurusan Aset Kerajaan dan Fasiliti di Malaysia* pada Konvensyen Aset dan Fasiliti Negara 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Shahrir berkata, bagi memastikan cadangan itu dapat dilaksanakan, satu pangkalan data perlu diwujudkan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Beliau berkata, setelah pangkalan itu diwujudkan, harus diwujudkan pula sistem untuk mengurus aset-aset milik kerajaan dan seterusnya jawatan pesuruhjaya.

Katanya, pangkalan data aset kementerian dan jabatan sebenarnya sudah sedia wujud tetapi tidak sistematik atau ia dilakukan secara arahan.

Sebagai contoh, beliau menambah, selama ini tiada kenyataan terbuka mengenai matla-



ABDULLAH Ahmad Badawi (dua dari kiri) tertarik dengan cenderamata berupa potretnya bersama isteri Jeane Abdullah sambil diperhatikan oleh Samy Vellu (kiri), Ir Dr. Judin Abdul Karim (kanan) dan Yahya A. Jalil pada majlis perasmian Konvensyen Pengurusan Kemudahan dan Aset Negara (NAFAM) 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

mat memulihara bangunan Parlimen.

"Bagi saya Parlimen sebuah bangunan bersejarah, institusi negara yang penting dan menjadi aset yang tinggi nilainya.

"Dengan adanya matlamat, maka lebih senang untuk menjaga strukturnya, suasana dalamannya dan memuliharanya," jelas beliau.

Beliau menambah, maklumat dan data

aset awam juga perlu telus dan terbuka kerana sekiranya berlaku sesuatu kejadian, rakyat boleh mendapat maklumat daripada pangkalan ini.

Maklumat itu, jelas beliau, boleh mengelakkan orang ramai daripada membuat rumusan dan andaian yang tidak betul atau menuding jari kepada pihak-pihak tertentu.

Dalam pada itu, Shahrir berkata, dalam sistem perakaunan kerajaan, aset dan kemudahan awam tidak dimasukkan di bawah keperluan untuk diaudit atau diselidik penggunaannya.

Bagaimanapun, katanya, dalam perakaunan swasta, sesuatu aset itu dicatatkan ke dalam akaun dan laporan tahunan sesebuah syarikat.